

Anwar enggan layan kenyataan Takiyuddin isu pengampunan

[FOTO MAHZIR MAT ISA /BH]



Anwar bertanya khabar Yazit ketika menziarahi beliau di Wangsa Maju, semalam.

Kuala Lumpur: Dakwaan pemimpin Pakatan Harapan (PH) bahawa Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan, mengeluarkan kenyataan memperlekeh Yang di-Pertuan Agong, berhubung pengampunan diraja diberikan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu ditafsir pengamal undang-undang.

Anwar ketika ditemui media di sini semalam, berkata, kenyataan Takiyuddin itu perlu diteliti menerusi saluran undang-undang.

"Saya banyak lagi kerja lain (nak buat) daripada perlu melayan dia (Takiyuddin). Tanya peguam, tanya peguam," katanya ketika ditanya sama ada bersetuju dengan pemimpin PH, bahawa kenyataan Takiyuddin disifatkan sebagai memperlekeh Yang di-Pertuan Agong.

Selain Ketua Pemuda PKR, Akmal

Nasrullah Mohd Nasir; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng turut mempersoalkan kenyataan Takiyuddin itu.

Timbalan Ketua Pemuda Parti Amanah Negara (AMANAH), Faiz Fadzil, pula menyifatkan kenyataan Takiyuddin celupar dan tidak menghormati Yang di-Pertuan Agong.

Dapat pengampunan 16 Mei lalu

Pada 16 Mei tahun lalu, Anwar mendapat pengampunan penuh Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Muhammad V selepas dijatuhi hukuman penjara oleh mahkamah atas kes liwat dihadapinya.

Rayuan pengampunan penuh Anwar sebelum itu dibentangkan dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lum-

pur, Labuan dan Putrajaya ke-51 pada hari sama pengampunan diberi.

Pengampunan itu dibuat selaras Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, dengan Yang di-Pertuan Agong menitahkan perkenan bahawa, rayuan penuh Anwar dibenarkan dan diberikan pembebasan serta-merta.

Terdahulu, Anwar mengadakan kunjungan dan ziarah ke kediaman bekas pemain dram kumpulan Search, Yazit Ahmad yang menghidap penyakit buah pinggang sejak 10 tahun lalu, sehingga memerlukan bantuan kewangan untuk menampung kos rawatannya.

Anwar yang tiba pada jam 3.20 petang, meluangkan hampir 25 minit di kediaman Yazit di Wangsa Maju, untuk bertanya khabar dan berbual santai bersama pemain dram terkenal itu.